

Soalan Lazim (BM)

Kandungan	Soalan-soalan Lazim
a) CCA (Consumer Credit Act)	S: Apakah objektif utama penggubalan Akta Kredit Pengguna (CCA) ini? J: CCA bertujuan untuk: - Menggalakkan pemberian pinjaman yang adil dan amalan kelakuan yang bertanggungjawab dengan menyelaraskan peruntukan perlindungan pengguna kredit termasuk penetapan terma kontrak, pengenaan caj pembiayaan serta amalan pengutipan hutang; - Menggalakkan budaya pemberian dan peminjaman kredit yang berhemah dan bertanggungjawab di kalangan penyedia kredit dan pengguna kredit; dan - Meningkatkan koordinasi dan kerjasama di antara Kementerian dan agensi dalam memantau dan mengawal selia aktiviti kredit pengguna¹. S: Siapa yang akan mentadbir CCA? J: CCA akan ditadbir oleh Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (CCOB), sebuah badan berkuasa berwibawa bebas di bawah Kementerian Kewangan (MOF). S: Apakah skop CCA? J: CCA akan memperuntukkan perlindungan kepada pengguna individu serta perusahaan mikro dan peniaga kecil (micro and small enterprises [MSE]) seperti berikut: - Individu yang memperoleh kredit untuk tujuan peribadi, domestik dan kegunaan isi rumah (tiada ambang maksimum); - MSE yang memperoleh kredit sehingga RM500,000; dan - Individu yang menjadi penjamin, bukan untuk tujuan mengaut keuntungan, ke atas pinjaman yang diperolehi oleh individu atau MSE seperti yang dinyatakan di perenggan (a) dan (b). S: Apakah jenis aktiviti perniagaan yang akan dikawal selia di bawah CCA? Dalam Fasa 1, aktiviti kredit yang akan dikawal selia adalah: J: - Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL); - Pemfaktoran; - Pemajakan; - Pembeli Pinjaman Terjejas (ILB); dan - Agensi Pengutip Hutang (DCA).

¹ Kementerian dan agensi terlibat termasuk Kementerian Kewangan (MOF), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) and Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (CCOB).

	Dalam Fasa 2, CCA akan disemak dan diperluaskan untuk merangkumi aktiviti kredit berikut:- a) Sewa Beli; b) Jualan Kredit; c) Pemberi Pinjaman Wang; d) Pemegang Pajak Gadai. S: Bagaimanakah pindaan kepada Akta Sewa Beli akan memberi kesan kepada pengguna? J: Sebagai sebahagian daripada peralihan dalam Fasa 1, Akta Sewa Beli 1967 akan dikemas kini untuk menangani peraturan preskriptif yang tidak lagi sesuai atau yang mungkin tidak lagi memenuhi kepentingan terbaik pengguna. S: Bilakah undang-undang ini akan dilaksanakan? J: Undang-undang ini disasarkan untuk dibentangkan kepada Parlimen pada suku kedua 2023. Tempoh persediaan akan diberi untuk membolehkan industri dan perniagaan membuat persiapan yang diperlukan untuk mematuhi Akta tersebut.
a) CCOB	S: Apakah fungsi Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (CCOB)? J: CCOB bertanggungjawab untuk: a) Memberi kuasa dan menyelia entiti yang menjalankan perniagaan kredit dan perniagaan perkhidmatan kredit; b) Mempromosikan dan menguatkuasakan amalan yang wajar di kalangan penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit; c) Menggalakkan pembangunan industri kredit pengguna; dan d) Berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Kredit Pengguna Malaysia (Council).
b) Rejim pemberi-kuasaan	S: Adakah CCA akan memperuntukkan keperluan kebenaran ke atas penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit? J: a) Di bawah fasa pertama (2023-2024), CCA akan menyediakan keperluan untuk mendapatkan kebenaran daripada CCOB seperti berikut: i. Pelesenan bagi penyedia kredit yang menjalankan aktiviti BNPL, pemfaktoran atau pajakan; dan ii. Pendaftaran bagi penyedia perkhidmatan kredit yang terlibat dalam aktiviti kutipan hutang dan aktiviti pembelian pinjaman terjejas. b) Penyedia kredit yang hanya memberi pinjaman kepada mereka yang tidak ditakrifkan sebagai “pengguna kredit” di bawah CCA tidak tertakluk kepada keperluan pelesenan tetapi dikehendaki untuk menyerahkan “pengisytiharan” kepada CCOB sebagai perakuan bahawa mereka tidak memberi pinjaman kepada “pengguna kredit”.

	S: Saya telah dilesenkan untuk menjalankan perniagaan kredit atau perkhidmatan kredit kepada pengguna. Adakah saya juga perlu memohon lesen di bawah CCA? J: Dalam Fasa 1, jika perniagaan anda telah dilesenkan untuk menyediakan perkhidmatan kredit atau kredit kepada pengguna oleh Pihak Berkuasa Pengawasan Kawal Selia (RSA) yang berkaitan, anda tidak perlu memohon lesen berasingan. Walau bagaimanapun, dalam Fasa 2, dengan pemindahan kuasa pengawalseliaan daripada RSA yang berkaitan kepada CCOB, CCOB akan membantu memudahkan permohonan semula lesen untuk anda beroperasi. S: Apakah yang akan berlaku kepada lesen yang telah diperolehi daripada KPKT/KPDNHEP ketika Fasa 2? J: Dalam Fasa 1, mana-mana lesen yang dikeluarkan oleh KPKT dan KPDNHEP akan kekal sah kerana mereka akan terus menjadi RSA untuk aktiviti-aktiviti Sewa Beli, Jualan Kredit, Ejen Pemilikan Semula, Pemberi Pinjaman Wang dan Pemegang Pajak Gadai. Dalam Fasa 2, akan berlaku pemindahan fungsi pengawalseliaan kepada CCOB dan aktiviti ini akan berada di bawah bidang kuasa pengawalseliaan CCOB. S: Adakah bank dan pemberi pinjaman P2P juga perlu mematuhi CCA? J: Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menyediakan kredit atau menyediakan perkhidmatan kredit perlu mematuhi keperluan minimum di bawah Akta. S: Apakah motivasi mengawal selia BNPL? J: BNPL adalah satu industri yang sedang berkembang pesat. Kami melihat bagaimana pengawal selia di arena antarabangsa mengambil pendekatan berbeza dari segi pengawasan dan kawal selia dan ada yang sedang bergerak ke arah mengenakan peraturan ke atas penyedia BNPL. Dalam hal ini, kami ingin mengambil pendekatan proaktif setelah melihat perkembangan yang pesat dalam segmen ini, dan risiko serta jangkaan kesannya terhadap pengguna kewangan.
--	--

c) Bidang perlindungan pengguna kredit	S:	Apakah bidang perlindungan kredit pengguna yang akan dilindungi di bawah CCA?	
	J:	Bidang utama yang dicadangkan dan matlamatnya adalah seperti berikut:	

d) Majlis Kredit Pengguna Malaysia (Council)	S: Apakah fungsi Council? J: Antara fungsi utama Council ialah: a) Menyelaraskan dan menjajarkan dasar serta strategi bagi memastikan pengawalseliaan yang berkesan ke atas industri kredit pengguna; b) Memudahkan kerjasama dalam aktiviti pengawasan, penyeliaan, penyasatan dan penguatkuasaan; dan c) Menggalakkan pembangunan industri yang berterusan dalam aspek amalan (conduct). S: Siapakah ahli Council? J: Council ini akan dipengerusikan oleh Pengerusi Eksekutif CCOB, dan keahliannya terdiri daripada pegawai kanan Kementerian serta Agensi yang berkenaan.
---	--